



ANALYSIS OF ERROR USE OF PHRASES IN PRIVATE HIGH SCHOOL STUDENTS OF ISLAM IN YARANG REGION, PATTANI REGION, SOUTH THAI

Phaosan Jehwae¹, Susy Deliani², Muhammad Haekal Harahap³

¹ Universitas Fatoni ² Universitas Al Washliyah Medan

³ Universitas Sumatera Utara

fazdany@hotmail.com¹, susi_deliani@yahoo.com², ekalrahap@gmail.com³

ABSTRACT

This research aims to identify the misuse of non-standard Malay Standard (BMS) phrases among private religious school students (pondok schools), yarang district, Pattani Region, Pattani Region. This research is deemed necessary because the status of Standard Malay in the education system in Thailand even in the Patani (South Thai), the majority of Malays, the Malay language status far below the status of Thai language. The findings of the research show five types of phrase-use mistakes, mistakes for using (i) phrases that use foreign words, (ii) phrases whose structure violates the Malay phrase structure, (iii) phrases that represent omission, Which is incompatible with Malay words, and (v) phrases that illustrate Malay grammar errors.

Keywords: *mistake, phrase, form*

ANALISIS KESALAHAN PENGGUNAAN FRASA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SWASTA AGAMA ISLAM DI DAERAH YARANG, WILAYAH PATTANI, SELATAN THAI

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan frasa-frasa bukan purnabentuk Bahasa Melayu Standard (BMS) dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah agama swasta (sekolah pondok), daerah yarang, Wilayah Pattani, Wilayah Pattani. Penyelidikan ini difikirkan perlu kerana status Bahasa Melayu Standard menjadi bahasa pengantar utama dalam bidang agama islam dan menjadi bahasa ibunda penduduk di Selatan Thai. Hasil dapatan penyelidikan memperlihatkan lima jenis kesalahan penggunaan frasa, kesalahan kerana menggunakan (i) frasa yang menggunakan perkataan dalam bahasa asing, (ii) frasa yang strukturnya menyalahi struktur frasa BMS, (iii) frasa yang memperlihatkan omisi, (iv) frasa yang menggunakan perkataan yang tidak sesuai dengan perkataan BMS, dan (v) frasa yang memperlihatkan kesalahan penggunaan tatabahasa BMS.

Kata Kunci: *kesalahan, frasa, purnabentuk*

PENDAHULUAN

Kesalahan penggunaan frasa-frasa yang bukan purnabentuk boleh menjejaskan penguasaan Bahasa Melayu Standard (BMS) dalam kalangan pelajar-pelajar di pelbagai peringkat pengajian baik sekolah rendah, sekolah menengah mahupun perguruan tinggi. Frasa-frasa yang bukan purnabentuk (*minus well-formed phrase*) adalah frasa-frasa yang tidak menepati bentuk dan struktur frasa sesuatu bahasa yang digunakan. Dalam kajian ini, frasa-frasa yang dimaksudkan meliputi frasa-frasa yang tidak sempurna tatabahasanya dan tidak sempurna pemilihan perkataan-perkataannya. Sebaliknya frasa-frasa yang purnabentuk (*well-*

formed phrase) adalah frasa-frasa yang sempurna bentuk dan strukturnya, iaitu sempurna tatabahasanya dan sempurna atau tepat pula penggunaan perkataan-perkataannya.

Penggunaan frasa-frasa dalam bahasa Melayu yang bukan purnabentuk menunjukkan bahawa seseorang yang berkenaan belum mahir menguasai binaan frasa-frasa dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, kemampuan menggunakan frasa-frasa dalam bahasa Melayu yang sempurna bentuknya atau purnabentuk adalah menunjukkan bahawa seseorang individu yang berkenaan sudah mahir menggunakan frasa-frasa dalam bahasa Melayu. Pelajar-pelajar sekolah pondok yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah pelajar-pelajar kelas 10/tingkatan 6 yang sedang belajar di beberapa buah sekolah pondok di daerah Yarang, wilayah Pattani, Selatan Thai. Berdasarkan latar belakang tersebut di atas, penyelidikan ini akan menganalisis kesalahan penggunaan frasa-frasa yang bukan purnabentuk Bahasa Melayu Standard (BMS) yang dilakukan dalam kalangan pelajar-pelajar tersebut.

Objektif Penyelidikan

Menganalisis kesalahan frasa-frasa yang bukan purnabentuk yang dilakukan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah swasta agama Islam (sekolah pondok) di daerah Yarang, Wilayah Pattani, Selatan Thai. Berdasarkan objektif penyelidikan seperti telah dijelaskan itu dapat diketahui merit kesalahan penggunaan frasa-frasa bukan purnabentuk dalam kalangan pelajar yang karangan mereka dijadikan data dalam menganalisis. Tanpa penguasaan frasa-frasa Bahasa Melayu Standard (BMS) dengan tepat, akan menjejaskan prestasi dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar yang tersebut.

METODE PENELITIAN

Data dalam kajian ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah berdasarkan pemungutan korpus data karangan pelajar-pelajar sekolah menengah swasta (sekolah pondok) di daerah yarang, wilayah Pattani, Selatan Thai. Data sekunder adalah berdasarkan perpustakaan, teori, disertasi, tesis, latihan ilmiah, jurnal dan buku-buku yang berkaitan. Bagi mengetahui jawapan kepada objektif penyelidikan seperti yang dikemukakan sebelum ini, latihan para pelajar yang sedang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu, kelas 10/ tingkatan 6 telah dipungut untuk tujuan analisis. Karangan pelajar tersebut dijadikan bahan analisis itu ditulis dalam BMS. Paparan yang dikemukakan sebelum ini adalah tentang kaedah pemungutan data dan kuantiti data yang representatif sifatnya. Bilangan karangan yang dianalisis untuk mencapai dua objektif kajian yang dikemukakan sebelum ini adalah mencukupi, iaitu bersifat representatif dan boleh mencerminkan penguasaan penggunaan frasa-frasa yang purnabentuk dalam kalangan pelajar tersebut.

Berikutnya ialah penjelasan secara ringkas tentang metodologi yang digunakan untuk menganalisis latihan-latihan yang telah dipungut sebagai data. Langkah terawal ialah memastikan bahawa karangan-karangan yang dipungut dari pelajar berkenaan tidak bercampur aduk. Tiap-tiap karangan yang berkenaan dibaca dengan teliti. Kesalahan-kesalahan berkait dengan penggunaan frasa-frasa ditandakan secara teliti. Penandaan jenis-jenis kesalahan yang dimaksudkan ini adalah perlu bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Secara ringkas, pemaparan tentang penemuan yang dikemukakan dalam penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Setelah karangan pelajar-pelajar sekolah menengah swasta (sekolah pondok) di daerah yarang, wilayah Pattani, Selatan Thai diteliti, didapati bahawa pelajar-pelajar di sekolah pondok yang dikaji banyak melakukan kesalahan bahasa berkaitan dengan penggunaan frasa yang tidak sempurna, iaitu kesalahan kerana menggunakan (i) frasa yang menggunakan perkataan dalam bahasa asing, (ii) frasa yang strukturnya menyalahi struktur frasa BMS, (iii) frasa yang memperlihatkan omisi, (iv) frasa yang menggunakan perkataan yang tidak sesuai dengan perkataan BMS, dan (v) frasa yang memperlihatkan kesalahan penggunaan tatabahasa BMS.

Frasa yang Menggunakan Perkataan-perkataan dalam bahasa Asing

Berdasarkan datakarangan pelajar-pelajar di sekolah pondok di daerah Yarang, wilayah Pattanididapati bahawa para pelajar sering menggunakan perkataan asing. Berikut dikemukakan beberapa contoh frasa yang tidak sempurna kerana menggunakan perkataan atau perkataan-perkataan dalam bahasa asing, iaitu (i) perkataan dalam bahasa Thai, (ii) perkataan dalam bahasa Arab, atau (iii) perkataan dalam DMP. Perkataan dalam DMP juga tidak diterima kerana perkataan tersebut tidak digunakan dalam BMS. Teliti contoh-contoh berikut:-

(i) Frasa 1-5 mengandungi perkataan dalam bahasa Thai

1. belajar di sekolah praktum (data)
(perkataan dalam B.Th)
-belajar di sekolah rendah (frasa yang sempurna)
2. takut pergi rongpak (data)
(perkataan dalam B.Th)
-takut pergi pejabat polis (frasa yang sempurna)
3. enam buah mahawityalai di Selatan Thai (data)
(perkataan dalam B.Th)
-enam buah universiti di Selatan Thai (frasa yang sempurna)
4. kejadian dekat sala di sekolah (data)
(perkataan dalam B.Th)
-kejadian dekat wakaf di sekolah (frasa yang sempurna)
5. bermain di senam kila (data)
(perkataan dalam B.Th)
-bermain di padang (frasa yang sempurna)

(ii) Frasa 6-10 mengandungi perkataan dalam bahasa Arab

1. -belajar 2 jam madah bahasa Melayu (data)
(perkataan dalam B.Ar)
-belajar dua jam mata pelajaran bahasa Melayu (frasa yang sempurna)
2. diwajibkan membuat halakah setiap minggu (data)
(perkataan dalam B.Ar)
-diwajibkan membuat pertemuan setiap minggu (frasa yang sempurna)
3. letak berasingan idarah ustaz dan ustazah (data)
(perkataan dalam B.Ar)
-terletak berasingan pejabat ustaz dan ustazah (frasa yang sempurna)
4. lepas peperiksaan safawi (data)
(perkataan dalam B.Ar)

-selepas peperiksaan lisan (frasa yang sempurna)

5. berminat siroh Islam (data)

(perkataan dalam B.Ar)

-meminati sejarah Islam (frasa yang sempurna)

(iii) Frasa 11-15 mengandungi perkataan dalam DMP

1. rakyat sesok (data)

(perkataan dalam DMP)

-rakyat miskin (frasa yang sempurna)

2. kereta kosong sekolah

(perkataan dalam DMP)

bus sekolah (frasa yang sempurna)

3. ikut-ikutan sain (data)

(perkataan dalam DMP)

-ikut-ikut kawan (frasa yang sempurna)

4. batas berlubang-lubang (data)

(perkataan dalam DMP)

-jalan berlubang-lubang (frasa yang sempurna)

5. Kerajaan tidak kelih penderitaan rakyat. (data)

(perkataan dalam DMP)

-Kerajaan tidak melihat penderitaan rakyat. (ayat yang sempurna)

Penggunaan frasa dan ayat yang telah disebutkan sebelum ini memperlihatkan frasa-frasa yang tidak sempurna. Penggunaan frasa [belajar di sekolah praktum] memperlihatkan penggunaan frasa yang tidak sempurna kerana menggunakan perkataan dalam bahasa asing. Perkataan praktom berasal daripada perkataan dalam bahasa Thai yang bererti rendah atau dasar. Penggunaan frasa yang sempurna ialah [belajar di sekolah rendah]. Apabila membina sesuatu frasa dalam bahasa Melayu, semua perkataan yang menjadi komponen sesuatu frasa yang berkenaan mestilah juga terdiri daripada perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu.

Penggunaan frasa [diwajibkan membuat halakah setiap minggu] memperlihatkan penggunaan frasa yang tidak sempurna kerana menggunakan perkataan dalam bahasa asing. Perkataan halakah adalah perkataan dalam bahasa Arab yang belum menjadi kata pinjaman. Halakah bererti pertemuan atau perjumpaan. Penggunaan frasa yang sempurna ialah [diwajibkan membuat pertemuan setiap minggu]. Penggunaan perkataan halakah menyebabkan ayat yang dihasilkan menjadi tidak sempurna.

Penggunaan frasa dan ayat dalam contoh (11) hingga (15) memperlihatkan frasa-frasa yang tidak sempurna kerana menggunakan perkataan dalam DMP. DMP terbahagi kepada dua jenis, (i) menggunakan perkataan dalam DMP yang sebutannya hampir sama dengan BMS, misalnya kelik dalam DMP dan balik dalam BMS, make dalam DMP dan makan dalam BMS, dan (ii) menggunakan perkataan-perkataan dalam DMP yang sebutan dan maknanya jauh berbeza dengan BMS, misalnya jurus dalam DMP dan sopan dalam BMS, sain dalam DMP dan kawan dalam BMS.

Penggunaan frasa dalam contoh (11) 'rakyat sesok', (12) 'kereta kosong sekolah', (13) 'ikut-ikutan sain', (14) 'batas berlubang-lubang', dan (15) ayat 'Kerajaan tidak kelih penderitaan rakyat' memperlihatkan penggunaan frasa dan ayat yang tidak sempurna kerana menggunakan perkataan-perkataan dalam DMP. Perkataan sesok dalam BMS bermaksud miskin, perkataan kereta kosong dalam BMS bermaksud bas, perkataan sain (dalam DMP) bermaksud kawan, perkataan batas (dalam DMP)

bermaksud jalan, dan kelih (dalam DMP) bermaksud melihat. Penggunaan perkataan-perkataan dalam DMP menyebabkan karangan BMS para pelajar menjadi tidak sempurna kerana salah dari aspek penggunaan perkataan-perkataan.

Frasa yang memperlihatkan omisi

Dalam konteks analisis kesalahan bahasa, terdapat beberapa jenis omisi (*omission*) iaitu (i) omisi perkataan, (ii) omisi frasa, (iii) omisi tanda baca, dan (iv) omisi morfem terikat, misalnya omisi awalan, omisi akhiran, dan omisi apitan dalam BMS. Gejala omisi menyebabkan berlakunya kesalahan bahasa. Berbeza dengan omisi elipsis tidak menyebabkan berlakunya kesalahan bahasa.

Dalam kajian ini, entiti-entiti elipsis tidak diberi perhatian kerana tidak berimpak kepada berlakunya kesalahan bahasa. Dalam konteks meneliti karangan yang dijadikan sebagai data, cuma gejala entiti-entiti omisi diberi perhatian. Sesuatu frasa yang memperlihatkan gejala omisi menyebabkan sesuatu frasa yang berkenaan tidak diterima sebagai frasa sempurna mengikut ukuran BMS. Seterusnya, ayat yang frasa atau frasa-frasanya mengalami omisi, dikategorikan sebagai ayat yang perlukan pembetulan. Berikut ini, dikemukakan contoh frasa yang memperlihatkan gejala omisi (dipetik daripada karangan-karangan yang dijadikan sebagai data).

contoh 1

susah didik anak-anak (data)

Frasa [sukar didik anak-anak] memerlukan dua pembetulan satu daripada dua pembetulan tersebut berkait dengan penggunaan perkataan didik. Mengikut tatabahasa BMS, perkataan didik seharusnya diberi awalan me-N. Pelajar yang menulis frasa [susah didik anak-anak] telah melakukan gejala omisi. Gejala omisi yang dimaksudkan itu ialah melakukan omisi awalan me-N iaitu awalan yang seharusnya diimbuhkan kepada kata dasar didik. Frasa yang diterima betul ialah [sukar mendidik anak-anak].

Pembetulan yang dilakukan ini turut melibatkan pembetulan penggunaan perkataan susah. Perkataan susah memang merupakan perkataan dalam BMS tetapi penggunaannya dalam konteks penulisan yang formal tidak diterima. Dalam bahasa lisan iaitu dalam situasi tidak formal, frasa [susah didik anak-anak] diterima sebagai frasa yang betul. Bagaimanapun, dalam penulisan sesebuah karangan, perkataan susah seharusnya diganti dengan sukar.

Contoh 2

Remaja buang bayi (data)

Ayat [Remaja buang bayi] memperlihatkan gejala omisi alomorf mem- bagi awalan (morfem terikat) me-N. Awalan mem- seharusnya diimbuhkan kepada kata dasar buang bagi membentuk kata terbitan membuang. Dalam konteks BMS, buang dan membuang tergolong sebagai kata kerja aktif transitif. Bagaimanapun, penggunaannya dalam binaan sintaksis adalah berlainan. Dalam ayat berita, perkataan buang seharusnya diberi awalan (alomorf) mem-, misalnya dalam ayat [Dia membuang sampah itu]. Ayat [remaja buang bayi] memperlihatkan dua kesalahan bahasa. Salah satu daripada kesalahan bahasa yang dimaksudkan itu berkait dengan gejala omisi iaitu ketiadaan awalan mem- yang sepatutnya diimbuhkan kepada kata dasar buang. Omisi bukan sahaja berkait dengan ketiadaan awalan mem- sebagaimana yang dimaksudkan itu tetapi juga melibatkan gejala omisi perkataan. Ayat yang sempurna bentuknya ialah [Ada remaja masa kini membuang bayi mereka]. Pembetulan yang dilakukan ini memperlihatkan omisi perkataan ada, frasa masa kini, dan perkataan mereka.

Omisi perkataan dan omisi frasa dalam contoh yang dikemukakan ini adalah hal-hal yang berkait dengan ketepatan semantik. Bagaimanapun, dalam kajian ini, tumpuan hanya kepada omisi awalan,

omisi akhiran dan omisi apitan. Omisi-omisi ini berimpak kepada berlakunya kesalahan tata bahasa. Berikutnya, dikemukakan lagi contoh-contoh omisi pengimbuhan yang berimplikasi kepada binaan frasa yang tidak sempurna mengikut ukuran BMS.

1. Mereka cakap bahasa Thai. (data)
(omisi awalan be-R)
-Mereka bercakap dalam bahasa Thai. (ayat yang sempurna)
2. Bahasa Melayu merupa bahasa ibunda. (data)
(omisi akhiran -kan)
-Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda. (ayat yang sempurna)
3. sistem persekolah di Thailand (data)
(omisi akhiran -an)
-sistem persekolahan di Thailand (frasa yang sempurna)
4. Kerajaan tidak sedia biasiswa. (data)
(omisi apitan me-.....-kan)
-Kerajaan tidak menyediakan biasiswa. (ayat yang sempurna)
5. mengada pertemuan tahunan (data)
(omisi akhiran -kan)
-mengadakan pertemuan tahunan (frasa yang sempurna)

Data-data yang telah diperlihatkan sangat jelas menunjukkan para pelajar tidak menguasai dan tidak berpengetahuan tentang bagaimana cara menggunakan sesuatu imbuhan untuk diimbuhan kepada sesuatu kata dasar atau perkataan dalam BMS sehingga terjadi omisi. Omisi atau penghilangan imbuhan dalam karangan para pelajar akan mengakibatkan perkataan-perkataan yang digunakan tidak jelas atau kurang jelas maknanya sehingga menyebabkan karangan mereka menjadi salah dari aspek tata bahasa dan aspek semantik. Ternyata bahawa gejala tidak menggunakan perkataan-perkataan dalam BMS dan gejala berlakunya kesalahan tata bahasa (dari pelbagai aspek) menyebabkan frasa-frasa yang berkonstruksi menjadi tidak sempurna.

Frasa yang menggunakan perkataan yang tidak sesuai mengikut konteks penggunaannya.

Kesalahan atau kegagalan memilih perkataan-perkataan yang sesuai dalam konstruksi sesuatu frasa atau ayat menyebabkan sesuatu frasa atau ayat yang berkenaan menjadi tidak sempurna yakni memperlihatkan kesalahan bahasa. Teliti contoh-contoh yang dikemukakan ini.

1. makan air ketung (data)
2. melihat televisyen (data)
3. negeri Thai (data)
4. membawa kereta (data)
5. sekolah katup (data)

Penggunaan perkataan makan dalam frasa [makan air ketung] adalah tidak sesuai. Binaan frasa yang diterima ialah [minum air ketung]. Penggunaan perkataan makan dalam binaan frasa [makan air ketung] adalah disebabkan pengaruh DMP. Dalam DMP, perkataan makan digunakan dalam semua situasi baik untuk makan atau untuk minum, misalnya makan kopi, makan susu, dan makan nasi. Perkataan makan dalam BMS bermakna sesuatu yang bukan jenis cecair.

Perkataan melihat dalam frasa [lihat televisyen] adalah tidak sesuai. Perkataan melihat seharusnya digantikan dengan perkataan menonton. Dalam DMP, perkataan melihat digunakan dalam semua situasi, misalnya melihat orang sakit, melihat drama, melihat bulan, melihat anak dara. Dalam konteks BMS, melihat dan menonton digunakan dalam konteks yang berbeza. Penggunaan frasa yang sempurna ialah [menonton televisyen].

Penggunaan perkataan dalam frasa [negeri Thai'] memperlihatkan binaan frasa yang tidak sempurna. Dalam konstruksi frasa tersebut, perkataan negeri seharusnya digantikan dengan negara. Dalam DMP, perkataan negeri sepadan maknanya dengan perkataan negara dalam BMS. Orang-orang Melayu Patani mendenotasi Malaysia sebagai negeri Malaysia, dan negara Brunei sebagai negeri Brunei. Penggunaan frasa [negeri Thai] betul dari sudut struktur frasa BMS tetapi tidak diterima sebagai frasa yang sempurna kerana ketidaksesuaian penggunaan perkataan negeri dalam frasa tersebut.

Frasa [membawa kereta], dan frasa [sekolah katup] juga betul dari sudut struktur farasa BMS. Bagaimanapun, kedua-dua frasa tersebut tidak sempurna. Perkataan membawa dalam frasa [membawa kereta] seharusnya digantikan dengan perkataan memandu. Frasa tersebut diterima dalam pengucapan lisan. Perkataan katup dalam frasa [sekolah katup] juga tidak dapat diterima kerana bukan merupakan perkataan dalam BMS. Dalam DMP, katup bermakna tutup.

Ternyata bahawa penggunaan perkataan-perkataan DMP dalam binaan frasa-frasa dalamsampel karangan yang dianalisis menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang karangan mereka dianalisis itu lemah menguasai BMS.

Frasa yang memperlihatkan penyimpangan tatabahasa BMS

Kesalahan dalam pemilihan kata preposisi juga menyebabkan sesuatu frasa yang mengandungi kata preposisi tersebut menjadi tidak sempurna. Data-data yang dianalisis menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu di Patani masih keliru menggunakan preposisi-preposisi ke, kepada, dari, daripada, pada, di, dalam, dan di dalam. Teliti contoh-contoh seperti berikut:

1. di hari ini (data)
-pada hari ini (frasa yang sempurna)
2. di kalangan orang (data)
-dalam kalangan orang (frasa yang sempurna)
3. di tarikh (data)
-pada tarikh (frasa yang sempurna)
4. beri pada Ahmad (data)
-beri kepada Ahmad (frasa yang sempurna)
5. pada mukim (data)
-di mukim (frasa yang sempurna)
6. di zaman (data)
-pada zaman (frasa yang sempurna)
7. dari tiga ratus tahun (data)
-semenjak tiga ratus tahun (frasa yang sempurna)
8. di dalam hati (data)
-dalam hati (frasa yang sempurna)
9. daripada Bangkok (data)
-dari Bangkok (frasa yang sempurna).

Penyimpangan menggunakan dengan tepat sesuatu kata preposisi juga menyebabkan sesuatu frasa yang mengandungi sesuatu kata preposisi yang berkenaan menjadi tidak sempurna iaitu tidak sempurna tatabahasanya. Kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak penyimpangan tatabahasa dalam karangan yang telah dianalisis. Penyimpangan tetabahasa bukan sahaja menyebabkan sesuatu frasa yang memperlihatkan kesalahan bahasa itu menjadi tidak sempurna, bahkan seluruh ayat yang mengandungi frasa berkenaan juga menjadi tidak sempurna.

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini menunjukkan bahawa punca utama yang menyebabkan terdapatnya kesalahan bahasa dalam karangan para pelajar sekolah-sekolah pondok di Patani ialah kegagalan mereka menguasai perbendaharaan kata BMS dan

penyimpangan tatabahasa termasuk juga penyimpangan kata terbitan, kata ganda, dan kata preposisi.

Ayat terdiri daripada gatra-gatranya bagi formasi struktur sesuatu ayat yang berkenaan. Sesuatu kecatatan dari sudut tatabahasa, pemilihan perkataan, atau struktur-sistem bagi formasi ayat berkenaan menyebabkan ayat tersebut tidak sempurna. Ketidaktersempurnaan, sesuatu frasa dalam ayat berkenaan juga menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak sempurna.

SIMPULAN DAN REKOMENDASI

Analisis yang dikemukakan mengajukan kesimpulan bahawa pelajar Melayu di enam buah sekolah pondok yang dikaji juga lemah membina binaan frasa BMS. Dilihat sebagai suatu keseluruhan, binaan frasa yang mereka hasilkan menjadi terjejas kerana pelajar yang berkenaan kadangkala menggunakan perkataan dalam DMP, bahasa Thai, atau bahasa Arab. Kenyataan ini tidak bermaksud menyatakan bahawa setiap binaan frasa yang mereka bina memperlihatkan gejala penggunaan perkataan atau perkataan-perkataan yang tidak diterima sebagai perkataan-perkataan dalam BMS.

Dari aspek penggunaan struktur-sistem frasa-frasa dalam BMS, kajian ini mendapati bahawa rata-rata pelajar Melayu di sekolah pondok yang dikaji mengekalkan struktur-sistem frasa dalam bahasa Melayu, iaitu kepada dahulu (*head first*) dan bukannya kepala terletak di bahagian akhir (*head last*). Khususnya dalam penyelidikan ini, fokus penelitian kepada sampel-sampel karangan pelajar-pelajar di enam buah sekolah pondok yang dikaji tidak ditumpukan kepada isi tetapi cuma ditumpukan kepada penguasaan perbendaharaan kata BMS, penggunaan imbuhan (termasuk kata ganda), kata preposisi, dan keupayaan membina frasa yang sempurna mengikut ukuran BMS. Dilihat sebagai suatu keseluruhan, diajukan suatu kesimpulan, iaitu pelajar Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah swasta (sekolah pondok) di daerah Yarang, wilayah Pattani, Selatan Thai yang dikaji masih lemah menguasai frasa-frasa BMS.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah Hassan. (2002) *Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Seri Lanang Jaya Rohani. (2006). *Sintaksis*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (1980). *Pengantar Teori Sintaksis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Enterprise.
- Arbak Othman. (1984). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Selangor: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asraf Abdul Wahab. (2007). *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.



- Asraf Wahab. (1988). *Intonasi Dalam Hubungan Dengan Sintaksis Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simanjuntak, Mangantar. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Tarigan. (1987). *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.